

PBT, syarikat berkaitan ditegur tak laksana tanggungjawab dengan sempurna

Sultan murka Johor masih kotor



Oleh HAMDAN TAWADI
utusanjohor@utusan.com.my

BATU PAHAT 21 Jun - Sultan Johor, Sultan Ibrahim Sultan Iskandar murka dengan tahap kebersihan di negeri ini yang amat memalukan sepanjang pemerhatian baginda semasa Kembara Mahkota Johor (KMJ) 2011 yang berakhir hari ini.

Baginda menegur Ahli Majlis Perhak Berkusa Tempatan (PBT) dan syarikat swasta yang mendapat kontrak memungut sampah yang disifatkan tidak melakukan tugas dengan sempurna dalam memastikan kebersihan.

"Tiap-tiap daerah ada 24 ahli majlis yang mana kerajaan bayar RM500 elaun tiap-tiap bulan, tetapi kira-kira 93 peratus tidur.

"Tak ada langsung beri pandangan, beri idea-idea bagaimana hendak bersihkan daerah. kepada ahli majlis yang tidur itu moleklah berundur," titah baginda pada sidang akhbar selepas merasmikan Bangunan Wakaf Majlis Agama Islam Johor (MAIJ) di sini, hari ini.



SULTAN Ibrahim Sultan Iskandar melambai tangan ke arah orang ramai pada hari terakhir Kembara Mahkota Johor 2011 yang tamat di Tangga Agong Bangunan Sultan Abu Bakar Muar, Johor, semalam.

Turut mengiringi baginda ialah Tunku Mahkota Johor, Tunku Ismail Sultan Ibrahim; Menteri Besar Johor, Datuk Abdul Ghani Othman, Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Seri Jamil Khir Baharom, Ahli Parlimen Batu Pahat,

Dr. Mohd. Puad Zarkashi, Pensiasih MAIJ, Datuk Nooh Gadut dan Mufti Johor, Datuk Tahir Sam-suddin.

Sultan Ibrahim bertitah, pihak swasta yang diberi kontrak memungut sampah di negeri itu di-



SULTAN Ibrahim Sultan Iskandar, Tuanku Raja Zarith Sofiah Sultan Idris Shah serta anakanda-anakanda baginda dan Abdul Ghani Othman bersama konvoi yang menjayakan Kembara Mahkota Johor 2011 yang berakhir di Tangga Agong Bangunan Sultan Abu Bakar di Muar, semalam.

lihat gagal meningkatkan mutu perkhidmatan berbanding sebelum perkhidmatan itu diswastaikan.

"Beta minta Kerajaan Persekutuan ambil tindakan yang serius kerana kalau syarikat-syarikat swasta

ini tidak boleh buat kerja, serah balik kepada kerajaan negeri untuk menjalankan kerja pungutan sampah.

"Ada juga contohnya di Kluang, lori memungut sampah berkurbanan. Dahulu ada 25 lori, tetapi

kini tinggal 15 buah sahaja. Jadi, pungutan sampah tidak mengikut jadual," titah baginda.

KMJ 2011 edisi ke-14 yang bermula Sabtu lalu dan merentasi 11 daerah di Johor melabuhkan rainnya hari ini.